PARLIMEN MALAYSIA

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUABELAS
2009

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

HARI KHAMIS: 5 NOVEMBER 2009

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.
Sidek/jwp.09

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

(SOALAN NO. 10 HINGGA 38)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

Soalan No: 10

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **TUAN AZAN BIN ISMAIL (INDERA MAHKOTA)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **05.11.2009**

SOALAN NO. : **10**

Tuan Azan bin Ismail (Indera Mahkota) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah pengiraan, formula dan KPI yang digunakan oleh Kerajaan untuk mengisytiharkan bahawa kegawatan ekonomi Negara telah pun pulih dan berkembang sebagaimana sediakala.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kemelesetan ekonomi negara ditarifkan sebagai satu keadaan di mana terdapat pengurangan dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada dua suku berturut-turut. Sewaktu kemelesetan ekonomi, aktiviti pelaburan dalam negara akan merosot dan pendapatan boleh guna turut berkurang yang mengakibatkan penggunaan swasta terjejas. Kadar pengangguran juga akan meningkat disebabkan oleh tindakan syarikat-syarikat swasta yang beroperasi perniagaannya terjejas akan bertindak mengurangkan pekerja, manakala pencari kerja sukar mendapat pekerjaan.

Soalan No : 11

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH)**
TARIKH	:	**05.11.2009**

SOALAN:

Y.B. PUAN TAN AH ENG [GELANG PATAH] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah untuk mengatasi kekurangan guru Bahasa Cina di peringkat Sekolah Menengah Kebangsaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil pelbagai langkah dalam menangani masalah kekurangan guru terlatih dalam pelbagai opsyen di seluruh negara termasuklah guru bahasa Cina di SMK. Sehubungan itu, KPM telah menjalin kerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi dalam melatih guru-guru bahasa Cina bagi keperluan di sekolah menengah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Universiti Pendidikan Sultan Idris ada menawarkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Bahasa Cina Dengan Pendidikan dan Diploma Pendidikan Bahasa Cina untuk menampung keperluan tersebut.

Dengan langkah-langkah yang dilakukan ini, KPM menjangkakan masalah kekurangan guru bahasa Cina di SMK dapat diatasi.

NO. SOALAN : 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN ABDUL WAHID ENDUT [KUALA TERENGGANU]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2009

SOALAN :

Y.B. TUAN ABDUL WAHID ENDUT [KUALA TERENGGANU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat membuat semakan semula perjanjian konsesi dengan Syarikat PLUS agar kenaikan tol tidak membebankan rakyat.

JAWAPAN : YB TAN SRI NOR MOHAMED YAKCOP

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan ketika ini tidak berhasrat untuk mengkaji semula perjanjian konsesi dengan PLUS, kerana sebelum ini semakan semula telah dilakukan sebanyak 2 kali iaitu pada Jun 1999 dan Mei 2001. Kedua-dua semakan tersebut melibatkan penstrukturan semula kadar tol Lebuhraya Utara Selatan bagi memperolehi kadar tol yang lebih rendah dan berpatutan agar tidak membebankan rakyat terutama pengguna Lebuhraya PLUS. Oleh yang demikian, struktur kadar tol sedia ada sekarang, iaitu sebanyak 10% kenaikan setiap 3 tahun, dilihat sebagai munasabah atas dasar infrastruktur sedia ada Lebuhraya PLUS yang baik dan meningkatkan produktiviti.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM : 26

NO. AUP : 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE [TENGGARA]**
TARIKH	:	**5 NOVEMBER 2009**
RUJUKAN	:	**2216**

SOALAN:

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan dan langkah Kerajaan bagi mengurangkan nisbah seorang anggota polis mengawasi 6,000 penduduk untuk mengurangkan kadar jenayah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tenggara yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, nisbah pihak polis kepada orang awam di seluruh Negara setakat bulan Januari tahun 2009 ialah 1:274 (iaitu jumlah keanggotaan PDRM ialah seramai 100,840 orang berbanding jumlah penduduk seramai 27.590 juta orang). Tidak dapat dinafikan bahawa nisbah tersebut adalah masih rendah iaitu di bawah standard yang disarankan oleh pihak Interpol iaitu 1:250. Walau bagaimanapun, usaha untuk menambahkan bilangan anggota polis sedang dilakukan sebagai usaha untuk mencapai nisbah anggota polis kepada orang awam mengikut standard Interpol.

Tuan Yang Dipertua,

Memandangkan jumlah atau kepadatan penduduk di sesuatu kawasan adalah tidak sama, maka sudah pasti nisbah anggota polis dengan orang awam mengikut daerah adalah berbeza-beza. Walau bagaimanapun, penugasan anggota-anggota polis adalah dibuat

berdasarkan kepada beberapa faktor seperti keluasan kawasan, kepadatan penduduk dan mengambil keperluan semasa sesuatu kawasan.

NO. AUM : 29

NO. AUP : 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**PUAN TEO NIE CHING [SERDANG]**
TARIKH	:	**5 NOVEMBER 2009**
RUJUKAN	:	**2092**

SOALAN:

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan pemegang kad pengenalan merah setakat ini dan berapa peratus dari jumlah tersebut akan diberi kad pengenalan biru dalam tempoh masa satu tahun.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Serdang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pemegang Kad Pengenalan Merah setakat ini ialah seramai 374,500 orang.

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Dalam Negeri tidak boleh menyatakan berapa peratus dari jumlah tersebut yang boleh diberi Kad Pengenalan Biru dalam tempoh satu tahun kerana permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia memerlukan satu tempoh yang panjang yang melibatkan proses semakan dokumen, temuduga, ujian bahasa dan tapisan keselamatan Polis bagi mempastikan hanya orang-orang yang benar-benar layak sahaja dianugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia.

Selain dari itu, warga asing yang ingin memohon taraf kerakyatan hendaklah terlebih dahulu memegang taraf Penduduk Tetap dan memiliki dokumen Permit Masuk yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Setelah Kad Pengenalan Merah diperolehi oleh seseorang warga asing dan memenuhi syarat-syarat bermastautin, barulah permohonan kewarganegaraan boleh dikemukakan di mana-mana Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara yang berhampiran

dengan tempat kediaman mereka dan ianya adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan tempoh kelayakan dan proses-proses yang perlu dilalui ini, Kementerian tidak boleh menyatakan berapa peratus dari jumlah Pemegang Kad Pengenalan Merah yang akan diberi Kad Pengenalan Biru dalam tempoh satu tahun.

Tuan Yang DiPertua,

Saya juga ingin jelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pemberian taraf kewarganegaraan Malaysia adalah merupakan satu anugerah tertinggi Kerajaan Malaysia dan bukan merupakan satu hak yang boleh dituntut oleh mana-mana individu. Kementerian Dalam Negeri memandang serius dan sentiasa berhati-hati di dalam mempertimbangkan setiap permohonan taraf kewarganegaraan seseorang itu. Ini adalah penting bagi memastikan hanya mereka yang betul-betul memahami dan mendalami budaya masyarakat Malaysia serta dapat memberikan sumbangan yang terbaik kepada Malaysia sahaja dianugerahkan taraf kewarganegaraan. Selain dari itu, Kementerian juga perlu mempastikan mereka-mereka ini mempunyai taat setia kepada negara, menghormati dan menjunjung asas Perlembagaan negara serta prinsip-prinsip Rukun Negara.

Soalan No:15

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID**
(PADANG BESAR)

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **05.11.2009**

SOALAN NO. : **15**

Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid (Padang Besar) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa selama ini Petronas adalah penyumbang utama kepada lebih dari RM50 bilion setahun bagi peruntukan pembangunan Negara. Adakah benar bahawa peratus sumbangan cukai kepada Negara oleh pelabur-pelabur asing (FDI) adalah rendah daripada sumbangan dari pelabur-pelabur tempatan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, PETRONAS sememangnya merupakan penyumbang utama kepada pendapatan Negara. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009, sumbangan PETRONAS kepada Kerajaan Persekutuan meliputi dividen, cukai pendapatan petroleum, cukai pendapatan syarikat, royalti dan duti eksport adalah berjumlah RM67.8 bilion. Selaras dengan Perkara 97 Perlembagaan, segala hasil dan wang diterima oleh Kerajaan Persekutuan hendaklah disatukan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan. Hasil yang dikumpulkan di bawah

Kumpulan Wang Disatukan akan digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan pembangunan Kerajaan.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun taksiran 2007, sumbangan cukai oleh syarikat asing memang lebih rendah iaitu kira-kira 16.8% berbanding syarikat tempatan sebanyak 83.2% daripada keseluruhan sumbangan cukai syarikat RM27.2 bilion. Bilangan syarikat asing yang membayar cukai juga adalah kurang daripada bilangan syarikat tempatan iaitu 5,942 syarikat asing berbanding 116,845 syarikat tempatan.

SOALAN: 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK CHUA SOON BUI (TAWAU)

TARIKH : 5 NOVEMBER 2009

SOALAN:

DATUK CHUA SOON BUI (TAWAU) minta PERDANA MENTERI menyatakan:

(a) Bagaimanakah Kementerian Kewangan bercadang untuk memastikan bahawa peruntukan RM100 juta Saham Dana Yayasan diberikan kepada golongan sasaran yang miskin dan yang memerlukan di kawasan bandar terutama sekali di Sabah dan Tawau; dan

(b) Apakah mekanisme di bawah Dana Yayasan yang beroperasi untuk membantu golongan miskin bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menangani kemiskinan bandar, Kerajaan telah melancarkan skim saham amanah yang dikenali sebagai Amanah Saham Wawasan Bandar (ASW Bandar). Bagi memastikan peruntukan saham amanah di bawah ASW Bandar ini dapat disalurkan kepada kumpulan sasar, Kerajaan menggunapakai senarai miskin tegar dan miskin yang berdaftar dengan eKasih, yang merupakan pangkalan data yang menjadi rujukan oleh agensi-agensi Kerajaan. Sistem pendaftaran ini merupakan sistem pendaftaran terbuka dan proses verifikasi dilaksanakan dari masa ke semasa untuk memastikan maklumat yang dikumpulkan adalah kemas dan tepat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, senarai isi rumah yang layak untuk menyertai program ini sedang disemak termasuk bagi Sabah dan Sarawak. Kumpulan sasar yang layak akan disalurkan peruntukan pelaburan ini secara berperingkat dalam masa terdekat.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam pelaksanaan program ini, Permodalan Nasional Berhad (PNB) merupakan pengurus dana berkenaan melalui anak syarikatnya iaitu Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) manakala Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan bertindak sebagai penyelaras pelaksanaan program. Proses verifikasi bagi menentukan kelayakan peserta dilakukan dengan kerjasama Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS).

NO. SOALAN : 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. DATO' SERI TENGKU AZLAN IBNI ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR [JERANTUT]**

TARIKH : **5 NOVEMBER 2009**

SOALAN :

Y.B. DATO' SERI TENGKU AZLAN IBNI ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR [JERANTUT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah perlu kita mengkaji semula peranan Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri. Mengapa tidak diadakan "*Intelligent Unit*" di setiap Kementerian untuk melaksanakan tanggungjawab yang sama.

JAWAPAN : **YB TAN SRI NOR MOHAMED YAKCOP**

Tuan Yang di-Pertua,

Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) adalah agensi utama Kerajaan yang bertanggungjawab untuk merancang pembangunan sosio-ekonomi negara dalam jangka sederhana dan jangka panjang. Semenjak penubuhannya pada 1961, peranan UPE sentiasa diperkukuhkan dengan penambaikan dan penambahan pelbagai fungsi sejajar dengan keperluan pembangunan negara. UPE, JPM juga telah distruktur semula beberapa kali berdasarkan keperluan serta supaya sentiasa releven dengan keperluan serta perkembangan global dan domestik terkini. Penstrukturan ini dilaksanakan dengan mengambilkira keperluan semasa serta pengalaman dan kejayaan unit perancangan ekonomi di negara-negara jiran seperti Korea.

Perubahan ini termasuk penubuhan Institut Pembangunan Malaysia pada 1 Ogos 2007 bagi menganalisa dengan lebih mendalam serta memberi nasihat pakar bagi penyediaan dan penggubalan dasar dan strategi pembangunan ekonomi. Perubahan terkini pula melibatkan pemansuhan Jawatankuasa Pelaburan Asing serta pengasingan Seksyen Penswastaan dan Seksyen Inisiatif Pembiayaan Swasta menjadi satu entiti bersendirian atas nama Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) di Jabatan Perdana Menteri.

Di samping itu, Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM) yang diuruskan oleh UPE, JPM semenjak dilancarkan pada 7 September 1980 telah dicadang untuk dipindahkan ke Kementerian Luar Negeri (KLN) mulai Januari 2010. Ini adalah selaras dengan fungsi PKTM sebagai salah satu instrumen dasar luar negeri yang penting dan strategik yang akan dapat mencipta sinergi dan nilai tambah terhadap jalinan fungsi-fungsi utama KLN dalam menggubal, merancang dan melaksanakan dasar luar negeri Malaysia.

Peranan penting UPE, JPM sentiasa mendapat kepercayaan Kerajaan apabila selalu dilantik sebagai sekretariat kepada pelbagai Jawatankuasa Kabinet dan kini merupakan Urus setia kepada Majlis Ekonomi yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Sebelum itu, semasa Krisis Kewangan 1997/98, UPE, JPM dilantik sebagai Urus setia Majlis Tindakan Ekonomi Negara bagi menasihat Kerajaan dalam menghadapi dan mengatasi krisis tersebut.

"*Intelligent Unit*" atau unit perancangan dan pembangunan telah wujud di sesetengah kementerian dengan penglibatan dalam perancangan dan pembangunan program dan projek. UPE, JPM sentiasa mengadakan perbincangan dengan unit tersebut dalam menentukan strategi serta hala tuju pembangunan ekonomi negara terutama sekali di dalam setiap proses perancangan pembangunan ekonomi lima tahun. Perbincangan tersebut diadakan menerusi Kumpulan Kluster Misi (MCG) atau dahulunya Kumpulan Perancangan Antara Agensi (IAPG) melibatkan wakil-wakil yang dilantik daripada semua kementerian. Bagi membincangkan dasar-dasar yang lebih teknikal, Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) di peringkat jabatan dan kementerian diwujudkan bagi

mendapatkan jalan penyelesaian dan penyelarasan terbaik berkenaan isu-isu berbangkit. Malah sesetengah TWG ini dipengerusikan oleh Kementerian dan jabatan berkenaan.

Kesimpulannya, sebagai agensi pusat, peranan UPE, JPM amat kritikal kerana ia dapat meneliti dan menganalisa situasi ekonomi dan pembangunan secara holistik dan menyeluruh. Ini penting kerana keperluan dan keutamaan setiap kementerian adalah berbeza-beza. Demikian juga keperluan mengikut sektor dan negeri. Peranan UPE, JPM adalah untuk menyelaras keutamaan setiap kementerian berdasar kepada sumber yang ada dan membahagikannya secara adil dan saksama, selaras dengan hala tuju strategik negara.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM : 6

NO. AUP : 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [JERAI]**
TARIKH	:	**5 NOVEMBER 2009**
RUJUKAN	:	**2090**

SOALAN:

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang seharusnya dikenakan terhadap mereka yang cuba mencetuskan ketegangan kaum di negara ini dan senaraikan tindakan-tindakan yang boleh dikategorikan sebagai mencetus ketegangan kaum.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Jerai yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Yang Berhormat, mana-mana individu atau kumpulan yang membuat kenyataan-kenyataan yang menyentuh sensitiviti sesuatu kaum atau agama di negara ini sehingga menimbulkan ketegangan boleh dikenakan tindakan tegas melalui penguatkuasaan undang-undang sedia ada seperti Akta Hasutan 1948 dan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Tindakan-tindakan yang boleh dikategorikan sebagai boleh mencetuskan ketegangan kaum ialah membuat kenyataan atau tindakan yang menyentuh sensitiviti sesuatu bangsa atau agama dan yang menyentuh perasaan serta boleh menimbulkan kemarahan kepada sesuatu kaum, atau bangsa atau penganut agama lain.

NO. SOALAN : 19

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB Dato' Henry Sum Agong [LAWAS]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2009 (KHAMIS)

SOALAN :

Dato' Henry Sum Agong [LAWAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan di bawah Gagasan 1Malaysia bercadang untuk memberi insentif berbentuk peruntukan kepada rakyat Bumiputera Sabah dan Sarawak bagi membolehkan golongan kurang mampu ini bersaing dan meningkat di dalam bidang perniagaan.

JAWAPAN : (YB Senator Tan Sri Dr.Koh Tsu Koon)

Kerajaan telah menyediakan pelbagai bantuan kewangan kepada usahawan Bumiputera Sabah dan Sarawak dalam sektor perdagangan dan perindustrian. Dalam hubungan ini, MARA di bawah Kementerian Kemajuan Luar bandar dan Wilayah telah memberi pinjaman kepada usahawan-usahawan Bumiputera. Sumber pembiayaan yang lain termasuk Tabung Usahawan, Skim Siswazah, Skim Pembiayaan Ekonomi Desa, *Grant Scheme* dan *Soft Loan* di bawah Kementerian Industri dan Perdagangan Antarabangsa.

Program untuk menyediakan premis perniagaan yang strategik untuk disewa kepada usahawan Bumiputera Sabah dan Sarawak terus dilaksanakan dalam tempoh RMKe9, dalam bentuk premis-premis perniagaan, lot-lot dalam kawasan perindustrian dan lot-lot dalam kompleks perniagaan yang disediakan oleh MARA juga. Perbadanan Ekonomi Negeri juga menyediakan premis perniagaan kepada para usahawan Bumiputera.

Latihan terus menjadi strategi penting dalam pembangunan usahawan. Beribu-ribu peniaga Bumiputera Sabah dan Sarawak telah dilatih oleh pelbagai agensi kerajaan. Kursus latihan meliputi bidang-bidang seperti perniagaan, pemasaran dan khidmat nasihat.

Pada masa depan, usaha selanjutnya akan diambil dalam menyediakan kemudahan kredit, perkhidmatan teknikal dan khidmat nasihat serta latihan bagi membantu Bumiputera Sabah dan Sarawak supaya dapat bersaing dan meningkat di dalam bidang perniagaan. Usaha-usaha juga akan ditingkatkan dalam memastikan bahawa para usahawan Bumiputera berupaya mendapatkan premis-premis perniagaan di lokasi strategik.

Soalan No: 20

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN AMRAN BIN AB GHANI (TANAH MERAH)**
TARIKH	:	**5 NOVEMBER 2009 (KHAMIS)**
SOALAN	:	

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan :

(a) berapakah peratusan kadar guna tanah milik Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR); dan

(b) berapakah status laporan serta laporan setakat ini kepada projek agropolitan di Kelantan yang membabitkan peruntukan RM148 juta.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

a) Tanah yang telah diberi milik kepada KESEDAR adalah seluas 13,196.915 hektar dan 13,067.97 hektar (99%) daripada keluasan tanah ini telah dimajukan dengan tanaman getah, kelapa sawit dan kawasan penempatan untuk para peneroka.

Keluasan serta guna tanah untuk lapan (8) Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) di Sg. Asap, Jeram Tekoh, Renok Baru, Paloh 1, Paloh 2, Paloh 3, Chalil dan Lebir yang telah diberi milik adalah seperti berikut:

Guna Tanah	Keluasan (hektar)	Peratus (%)
Getah	7, 626	58
Kelapa sawit	4,378	34
Penempatan	804	6
Lain-lain	258	2
Jumlah Keseluruhan	**13,067**	**100**

b) Untuk makluman Y.B., Projek Agropolitan di negeri Kelantan merupakan projek di bawah pelaksanaan Majlis Pembangunan Ekonomi Koridor Pantai Timur (ECERDC) dengan matlamat untuk membasmi kemiskinan tegar melalui projek pertanian bersepadu di wilayah Kelantan Utara dan Kelantan Selatan.

Memandangkan Projek Agropolitan Kelantan Selatan (PAKS) terletak di wilayah Kelantan Selatan, KESEDAR telah dilantik menjadi penyelaras projek ini secara umumnya bagi membantu pihak ECERDC. Sejumlah RM100 juta telah diperuntukkan oleh Unit Perancang Ekonomi bagi membangunkan PAKS.

Prestasi perbelanjaan pada tahun 2008 adalah sebanyak RM450,752 manakala pada tahun 2009 adalah sebanyak RM35.23 juta. Perbelanjaan bagi tahun 2010 pula diunjurkan sebanyak RM64.3 juta.

Sehingga kini, ECERDC telah menyiapkan sepuluh (10) buah rumah untuk menempatkan 10 Ketua Isi Rumah Miskin Tegar sejak bulan Mei 2009 sebagai peserta perintis projek tersebut. Peserta PAKS ini telah mula bekerja di ladang agropolitan dengan pendapatan bulanan sebanyak RM1,000.

Selain itu, ECERDC telah memulakan projek ekonomi sampingan iaitu tanaman koko seluas 5 ekar (0.5 ekar/peserta) di dalam kawasan halaman rumah peserta.

SOALAN NO. 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' RASHID BIN DIN (MERBOK)

TARIKH : 5 NOVEMBER 2009 (KHAMIS)

SOALAN:

YB Dato' Rashid Bin Din (Merbok) minta **Menteri Pembangunan wanita, Keluarga dan Masyarakat** menyatakan dalam jawapan Y.B Menteri pada 30 Jun 2009, soalan 60, sebanyak 21 juta ringgit telah dibelanjakan untuk pembayaran gaji pekerja sambilan dalam Projek Cari yang berjaya mengenalpasti 84,486 orang penerima dengan sumbangan sebanyak 20.1 juta ringgit. Tidakkah ini satu pembaziran, lebih lagi wakil-wakil rakyat dari Pakatan Rakyat boleh memberi perkhidmatan menCARI ini dengan percuma.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelantikan pekerja Pembantu Kebajikan sambilan Projek CARI adalah bertujuan membantu Pembantu Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bukan sahaja mencari dan mengesan kes-kes yang memerlukan bantuan kebajikan terpinggir dan terpencil tetapi juga membuat

siasatan dan pengesanan awal. Setiap siasatan yang dilakukan akan disediakan laporan lengkap mengikut format laporan yang disediakan. Secara umumnya tugas dan tanggungjawab pekerja sambilan Projek CARI ini hampir menyamai tugas dan tanggungjawab Pembantu Kebajikan Masyarakat.

Pelantikan mereka dilaksanakan mengambilkira perluasan skop Jaringan Keselamatan Sosial yang di umumkan oleh mantan YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2008 pada 7 September 2007 di mana Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) telah dinaikkan daripada RM420 kepada RM720 di Semenanjung; RM830 di Sarawak dan RM960 di Sabah. Kenaikan PGK ini telah menyebabkan peningkatan bilangan mereka yang layak dipertimbang bantuan kebajikan secara mendadak.

Sejak Projek CARI dilancarkan pada 17 Julai 2008 hingga 9 Oktober 2009, sebanyak 268,997 kes berjaya dikesan dan daripada jumlah tersebut 83% atau 224,271 telah dapat disiasat dan diberi pertimbangan.

Oleh yang demikian, pelantikan pekerja sambilan Projek CARI ini bukanlah merupakan satu pembaziran tetapi merupakan usaha proaktif Kerajaan dalam memastikan lebih ramai rakyat yang memerlukan mendapat pembelaan dan sistem penyampaian perkhidmatan JKM di pertingkatkan.

Kesediaan Yang Berhormat dari Pakatan Rakyat untuk membantu mengesan kes-kes terpencil dan terpinggir amat saya alu-alukan.

SOALAN NO : 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]
TARIKH : 5 NOVEMBER 2009
SOALAN :

Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bukti keberkesanan vaksin HPV untuk anti kanser serviks dan apakah kajian yang telah dilakukan oleh Kementerian ke atas populasi Malaysia setakat ini untuk menjustifikasikan pemberian pelalian kepada pelajar-pelajar perempuan dengan vaksin tersebut.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kanser serviks merupakan kanser kedua paling banyak berlaku dikalangan wanita Malaysia iaitu selepas kanser payudara. Laporan dari *Malaysia Cancer Statistic Data and Figure, Peninsular Malaysia 2006* menganggarkan sebanyak 1,500 kes baru kanser serviks dilaporkan. Kira-kira 2/3 pesakit dari kes kanser ini didapati lewat mendapatkan rawatan untuk menjalani diagnosis iaitu setelah penyakit kanser berada pada tahap (dengan izin) *stage 2 - stage 4*.

Rawatan pesakit kanser serviks bergantung kepada tahap kanser tersebut semasa mereka datang mendapatkan rawatan. Kaedah rawatan yang disediakan

oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah secara pembedahan, radioterapi dan kemoterapi. Namun demikian, kombinasi 3 rawatan ini juga diberi kepada pesakit berdasarkan pemeriksaan dan penilaian yang dilakukan oleh Pakar Perubatan (O&G).

Dalam usaha untuk mencegah kanser serviks, Kementerian Kesihatan Malayisa telah mengemukakan usul Program Pencegahan Kanser Pangkal Rahim Melalui Pelalian *Human Papilloma Virus* (HPV) kepada remaja wanita, warga Malaysia yang berumur 13 tahun di sekolah. Usul ini telah pun diluluskan oleh Jemaah Menteri pada bulan September 2009 dan dijangka akan dimulakan pada tahun 2010. Wanita dari kalangan umur 14 tahun hingga 26 tahun boleh mendapatkan suntikan pelalian atau vaksin ini di klinik dan hospital swasta dengan kadar caj tertentu.

Mengikut kajian dan laporan saintifik, 99% kanser serviks dikaitkan dengan jangkitan HPV. Terdapat 13 jenis HPV yang boleh menyebabkan kanser serviks dan 70% kes kanser serviks adalah disebabkan oleh HPV jenis 16 dan 18. Kajian yang dijalankan di Malaysia adalah konsisten di mana 74% kes kanser serviks disebabkan oleh sama ada HPV 16 atau HPV 18.

Kajian yang dijalankan juga menunjukkan bahawa vaksin HPV ini memberi 98% efikasi terhadap HPV 16 dan 18. Ia juga memberi perlindungan silang terhadap HPV 31, 45 dan 52; jenis HPV yang juga boleh menyebabkan kanser serviks. Paras imuniti mereka yang telah diberi vaksin HPV berada pada tahap yang tinggi walaupun selepas 5½ tahun menerima suntikan. Ini menunjukkan bahawa pemberian dos tambahan atau, dengan izin, *booster dose* pada masa akan datang adalah tidak diperlukan. Kajian juga menunjukkan bahawa kumpulan umur kurang dari 15 tahun mempunyai respons imuniti yang lebih baik

berbanding dengan kumpulan umur yang lebih tua. Ini secara langsung dapat menjelaskan bahawa pemberian vaksin HPV kepada remaja perempuan berusia 13 tahun dapat memberi kesan pencegahan yang tinggi dan mengurangkan risiko untuk mendapat kanser serviks dengan efektif.

Kajian yang dijalankan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia mendapati kos rawatan untuk seorang pesakit kanser serviks adalah RM 235,000. Ia jauh lebih mahal berbanding dengan hanya RM 400 bagi memberi pelalian lengkap melalui program yang akan diperkenalkan. Keberkesanan pencegahan kanser serviks melalui pemberian vaksin HPV hanya akan dapat dilihat selepas 15 ke 20 tahun program ini dijalankan.

Terdapat beberapa kesan sampingan jangka pendek yang dilaporkan berlaku selepas pemberian vaksin HPV. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah meneliti kesan-kesan sampingan yang dilaporkan melalui, dengan izin, *Post Marketing Monitoring System* di negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat dan mendapati tidak ada peningkatan dari segi kesan-kesan sampingan yang dilaporkan. Di samping itu, tidak ada bukti kukuh yang mengaitkan antara kes-kes kematian yang dilaporkan dengan pemberian vaksin HPV. Selain itu, tidak ada kesan sampingan jangka panjang yang dilaporkan sehingga kini.

Kementerian Kesihatan akan terus memantau kesan sampingan pemberian vaksin ini di Malaysia. Sehingga kini, tidak ada kesan-kesan sampingan yang teruk dilaporkan kepada Kementerian ini. Antara kesan-kesan sampingan yang dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan ialah demam, pening, pitam, muntah, bengkak dan sakit di tempat suntikan.

Soalan No: 23

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI (GOMBAK)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **05.11.2009**

SOALAN NO. : **23**

Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Gombak) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasional Kerajaan melalui Khazanah Nasional menjual pegangan saham mereka sebanyak 5% dalam Malaysia Airports Holdings Berhad dan apakah tren ini akan berterusan pada syarikat- syarikat berkaitan Kerajaan yang lain.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai pelabur strategik Kerajaan, strategi pelaburan Khazanah adalah untuk jangka masa sederhana dan panjang dan bukannya untuk meraih keuntungan jangka masa pendek. Khazanah komited untuk mengekalkan pegangan kawalannya dalam GLC yang dikuasainya. Ini dilakukan bagai memelihara kepentingan syarikat-syarikat ini di samping kepentingan pelabur dan juga pasaran modal secara keseluruhannya.

2. Penjualan saham yang dipegang oleh Khazanah dalam GLC tertentu, khususnya aset bukan teras (*non-core assets*) adalah selari dengan seruan Kerajaan bagi merealisasikan nilai (*unlocking value*), meningkatkan kadar kecairan saham syarikat dan seterusnya menggalakkan lagi

kemasukan pelaburan luar negara. Penjualan 55 juta unit saham yang bersamaan dengan kira-kira 5% pegangan Khazanah dalam Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) pada 9 September 2009 adalah selari dengan saranan tersebut.

3. Namun, Khazanah sebagai salah sebuah syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) tetap komited untuk mengekalkan pegangan kawalannya dalam GLC yang dikuasainya. Sebagai contoh, selepas penjualan 5% saham MAHB, Khazanah masih mengekalkan pegangan sebanyak 67.74% dalam syarikat berkenaan.

4. Dalam pada itu, Khazanah akan sentiasa memastikan penjualan saham serta pelupusan pegangannya dalam GLC dilakukan secara berhemah, sistematik, tersusun dan konstruktif.

NO : 24

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. HAJAH FAUZIAH BINTI SALEH (KUANTAN)

TARIKH : 5 NOVEMBER 2009

SOALAN 24 : **Y.B. Hajah Fauziah Binti Saleh** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah penilaian laporan-laporan antarabangsa terhadap penerapan amalan dan prinsip hak asasi manusia di Malaysia sepanjang penglibatan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia pada penggal 2006 – Jun 2009 yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada YB Kuantan di atas soalan yang dikemukakan.

2. Seperti Dewan yang mulia sedia maklum, Malaysia telah memenuhi obligasi keanggotaannya di dalam Majlis Hak Asasi Manusia PBB bagi penggal 2006-2009, pada bulan Jun yang lalu.

3. Sebagai sebuah negara ahli Majlis Hak Asasi Manusia, yang juga dikenali sebagai *United Nations Human Rights Council* (HRC), Malaysia bukan sahaja telah memainkan peranan yang aktif dalam menyuarakan dan mempertahankan pendirian serta kepentingan negara dalam isu-isu hak asasi manusia, malah ia turut menjadi sebahagian daripada suara utama dalam kumpulan negara-negara membangun, khususnya NAM dan OIC.

4. Di samping itu, Malaysia turut terlibat aktif dalam perundingan yang membawa kepada penambahbaikan Majlis Hak Asasi Manusia termasuk mekanismenya seperti *Advisory Committee* dan *Special Procedure* HRC. Malaysia juga sentiasa berusaha untuk menggalakkan jaringan hubungan kerja yang lebih erat di antara HRC serta agensi-agensi PBB yang lain ke arah perlaksanaan hak asasi manusia yang lebih bersifat menyeluruh.

5. Sehubungan itu, masyarakat antarabangsa secara umumnya mengambil maklum usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Malaysia ke arah melindungi dan mempromosikan hak asasi manusia. Ini jelas sekali ditunjukkan semasa proses *Universal Periodic Review* (UPR) Malaysia yang telah diadakan pada bulan Februari 2009, di mana semasa proses tersebut, obligasi dan komitmen hak asasi manusia Malaysia telah dinilai oleh Majlis Hak Asasi Manusia tersebut. Secara keseluruhannya, sistem hak asasi manusia di Malaysia di anggap baik di mana keberkesanan Malaysia dalam membasmi kemiskinan, memajukan hak wanita dan kanak-kanak dan juga mengekalkan kecemerlangan dalam bidang pendidikan telah mendapat pujian daripada banyak pihak.

6. Walaupun yang demikian, sudah tentu di dalam penglibatannya sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia ini, terdapat segelintir pihak yang cuba mencabar obligasi Malaysia terhadap hak asasi manusia. Namun begitu, penjelasan telah diberikan oleh Malaysia di mana pendekatan yang diambil terhadap nilai-nilai hak asasi manusia ini juga turut mengambil kira latar belakang negara serta faktor-faktor sosial, budaya dan kepercayaan masyarakat setempat.

7. Penyertaan Malaysia dalam badan tersebut turut menunjukkan bahawa negara tekad dalam usaha mempertahankan hak asasi manusia dan mempromosikan penghayatannya. Oleh itu, Malaysia sekali lagi akan berusaha untuk menjadi anggota Majlis Hak Asasi Manusia PBB bagi penggal 2010-2013 selaras dengan usaha-usaha tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAH)
TARIKH	:	5 NOVEMBER 2009 (KHAMIS)
NO. SOALAN	:	25

SOALAN

Tuan Loke Siew Fook (Rasah) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bagaimana Dasar Pembangunan Belia Negara dapat melahirkan golongan belia negara yang berketerampilan tinggi, berkeyakinan dan mempunyai daya saing yang kuat untuk menghadapi cabaran semasa.

JAWAPAN

1. Dasar Belia Negara telah digubal dengan matlamat melahirkan golongan belia yang memiliki sifat peribadi yang mulia sama ada dari segi sahsiah, akidah, dan jasmaniah. Melalui Dasar ini juga golongan belia dibentuk bagi memiliki sifat bertanggungjawab, berdaya saing, berdedikasi dan mempunyai semangat cintakan negara yang kuat serta sentiasa bersedia bagi menghadapi cabaran semasa.
2. Kementerian telah menyusun beberapa strategi bagi mencapai matlamat tersebut:
    i. Mempertingkatkan usaha memberi latihan kepada golongan belia dengan menyediakan program keilmuan dan latihan yang dianjurkan

bersama oleh Sektor Awam, Swasta, Pertubuhan-Pertubuhan Belia dan NGO;

ii. Memupuk nilai-nilai murni dan sikap yang positif melalui program-program pembangunan kepimpinan dan bina sahsiah bagi membina kekuatan diri dan berketerampilan;

iii. Menggalakkan golongan belia menyertai persatuan dan aktiviti supaya dapat membentuk gaya hidup sihat, cergas dan dinamik. Usaha ini diharap akan dapat melahirkan golongan belia yang lebih bertanggungjawab dan mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang berkualiti;

iv. Menggalakkan generasi belia meningkatkan jaringan dan interaksi antarabangsa bagi mempersiapkan mereka dengan cabaran baru dari segi hubungan Malaysia dengan negara-negara jiran dan masyarakat antarabangsa secara keseluruhan. Antara bentuk cabaran ini adalah ancaman-ancaman yang mungkin timbul dari proses globalisasi dan juga isu-isu yang sentiasa berbangkit dengan negara-negara jiran.

3. Dengan strategi-strategi pelaksanaan yang melibatkan di atas, adalah menjadi hasrat Kerajaan agar golongan belia di negara ini dipersiapkan dengan kekuatan peribadi, sahsiah dan kepimpinan bagi menghadapi cabaran-cabaran semasa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [BAGAN SERAI]**
TARIKH	:	**5 NOVEMBER 2009**
SOALAN	:	**Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan:**

(a) jumlah "homestay" mengikut pecahan daerah; dan

(b) apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memperkenalkan kepada pengunjung di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga September 2009, sebanyak 140 buah homestay telah berdaftar dengan Kementerian Pelancongan Malaysia yang melibatkan 235 buah kampung dan penyertaan seramai 3,279 orang peserta homestay di seluruh negara. Sebanyak 83 daerah mempunyai homestay yang berdaftar di seluruh negara seperti berikut:

Bil	Negeri	Daerah
1	Perlis	i. Kangar ii. Arau iii. Padang Besar
2	Kedah	i. Yan ii. Bandar Baharu iii. Baling iv. Kubang Pasu v. Kuala Muda vi. Padang Terap vii. Pendang vii. Langkawi
3	Pulau Pinang	i. Barat Daya ii. Seberang Perai Tengah iii. Seberang Selatan iv. Seberang Perai Selatan
4	Perak	i. Larut Matang dan Selama ii. Hilir Perak iii. Batang Padang iv. Kinta Selatan v. Lenggong
4	Selangor	i. Sepang ii. Kuala Langat iii. Gombak iv. Kuala Selangor v. Sabak Bernam vi. Ulu Selangor
5	Melaka	i. Jasin ii. Melaka Tengah iii. Alor Gajah
6	Negeri Sembilan	i. Seremban ii. Jempol iii. Kuala Pilah iv. Gemas v. Port Dickson vi. Rembau

Bil	Negeri	Daerah
		vii. Jelebu
7	Johor	i. Pontian ii. Batu Pahat iii. Muar iv. Kota Tinggi v. Mersing vi. Johor Bahru vii. Kulai Jaya
8	Kelantan	i. Gua Musang ii. Kota Bharu iii. Tumpat iv. Bachok v. Machang vi. Jeli vii. Kuala Krai
9	Terengganu	i. Dungun ii. Setiu iii. Kuala Terengganu iv. Besut v. Hulu Terengganu
10	Pahang	i. Cameron Highlands ii. Kuala Lipis iii. Raub iv. Kuala Krau v. Kuantan vi. Pekan vii. Temerloh viii. Bentong x. Rompin
11	Sabah	i. Tuaran ii. Kudat iii. Kinabatangan iv. Kota Belud v. Sipitang vi. Ranau vii. Papar

Bil	Negeri	Daerah
		viii. Tambunan ix. Keningau x. Penampang
12	Sarawak	i. Kuching ii. Lundu iii. Serian iv. Kapit v. Betong vi. Dalat vii. Miri vii. Sibu
13	Labuan	i. Labuan

Tuan Yang di-Pertua,

Di antara langkah-langkah yang telah diambil bagi memperkenalkan produk homestay kepada pelancong tempatan dan antarabangsa adalah:

(i) pemilihan tiga homestay terbaik setiap negeri untuk diberikan latihan secara spesifik dan menjadikan homestay-homestay ini sebagai peneraju yang mencerminkan imej homestay Malaysia di peringkat antarabangsa;

(ii) *Railway Tourism* bagi mempromosikan Program Homestay Malaysia menerusi jaringan laluan kereta api di seluruh negara;

(iii) *Homestay Twining Program* yang dilaksanakan sebagai langkah untuk mewujudkan jambatan persahabatan (*building bridges*) dengan negara-negara lain yang turut melaksanakan Program Homestay;

(iv) program *Plant a Tree* (PAT) oleh para pelancong yang mengunjungi homestay bagi menggalakkan kedatangan pelancong secara berulang bagi melihat sendiri pokok yang telah ditanam;

(v) perusahaan Mikro Homestay di kalangan pengusaha homestay bagi memperkayakan aktiviti serta pakej homestay dan meningkatkan pendapatan mereka. Ini termasuk mewujudkan perniagaan tapak semaian (*nursery*) anak-anak pokok;

(vi) kerjasama dengan Masyarakat Orang Asli bagi mewujudkan pakej lawatan sehari ke perkampungan orang asli;

(vii) kerjasama dengan Majlis Pembangunan Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) untuk melaksanakan *ECER Status Homestay* melalui pemberian latihan dan taraf pensijilan terhadap homestay di kawasan ECERDC;

(viii) melaksanakan *Homestay e-Marketing Promotion* yang mempromosikan homestay Malaysia melalui media elektronik dan telefon mudah alih; dan

(ix) promosi secara agresif di dalam dan luar negara melalui *Familiarization Trip* serta misi promosi luar negara. Di antaranya adalah:

a. Misi Promosi Homestay di Korea pada 17 - 27 Oktober 2009;

b. *Familiarization Trip* ke Homestay Sg. Kelah pada 15 - 17 Mei 2009 kepada diplomat asing; dan

c. mengadakan Pameran Homestay di Malaysia Travel Fair 2009 di Suntec Convention Centre, Singapura pada 16 - 18 Oktober 2009.

NO. SOALAN : 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' ISMAIL BIN KASSIM [ARAU]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2009

SOALAN :

Y.B. DATO' ISMAIL BIN KASIM (ARAU) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana usaha Kerajaan dalam merundingkan semula perjanjian konsesi yang dimeterainya, contohnya dengan syarat konsesi lebuh raya ataupun dengan pembekal tenaga bebas IPP kerana perjanjian sedia ada terlalu memihak kepada satu pihak dan bertentangan dengan kepentingan awam.

JAWAPAN : YB TAN SRI NOR MOHAMED YAKCOP

Kerajaan telah menyediakan sebuah draf perjanjian konsesi yang seragam bagi inisiatif penswastaan dengan kaedah Bina-Kendali-Pindah. Draf perjanjian yang seragam ini telah mengambil kira dan menambahbaik syarat dan terma-terma perjanjian konsesi terdahulu serta memperkasakan klausa-klausa dalam memastikan kepentingan Kerajaan dan rakyat secara amnya, dan pengguna secara khususnya, sentiasa terpelihara dan terjaga.

Draf perjanjian yang seragam tersebut juga telah mengeluarkan klausa-klausa yang tidak menguntungkan Kerajaan seperti klausa mengenai had keberhutangan Kerajaan

kepada pihak peminjam , jaminan trafik, hak eksklusif konsesi dan lain-lain. Sementara itu, terma-terma tertentu telah diperkemaskan manakala terma-terma baru telah dimasukkan terutama berhubung mutu perkhidmatan yang ditawarkan, penalti dikenakan kepada syarikat yang berkaitan dengan prestasi konsesi dan sebagainya.

Langkah-langkah penambahbaikan ini adalah bagi memastikan syarikat konsesi mematuhi obligasi yang termaktub dalam perjanjian konsesi serta menyediakan satu perkhidmatan yang memuaskan sepanjang tempoh konsesi. Draf perjanjian konsesi ini telah diperkenalkan pada tahun 2002 dan perjanjian konsesi lebuhraya yang ditandatangani selepas itu telah dirunding dengan syarikat konsesi berdasarkan perjanjian konsesi yang seragam.

Pada masa yang sama, bagi perjanjian-perjanjian konsesi yang telah ditandatangani terdahulu, penambahbaikan ke atasnya dibuat setiap kali terdapat rundingan mengenai terma dan syarat-syarat perjanjian konsesi, misalnya kenaikan kadar tol dan kerja-kerja tambahan.

28

SOALAN NO: ~~10~~

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI]

TARIKH : KHAMIS, 5 NOVEMBER 2009

RUJUKAN : 05

SOALAN :

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :

apakah langkah segera untuk memastikan setiap pili bomba di setiap unit perumahan kelolaan DBKL berfungsi supaya langkah awal dapat diambil ketika berlaku kecemasan atau kebakaran.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Lembah Pantai, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sentiasa memantau dan mengambil langkah-langkah yang diperlukan dalam memastikan keselamatan penghuni di perumahan Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) sentiasa terjamin.

Sehubungan dengan itu, setiap PPR dan Perumahan Awam yang dikelolakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dilengkapi dengan pelbagai kemudahan peralatan pencegahan kebakaran. Peralatan-peralatan tersebut adalah seperti berikut :

i) Alat Pemadam Api;

ii) Sistem Pancur Turun (Downcomer System) / Sistem Pancur Basah (Wet Riser System) / Sistem Pancur Kering (Dry Riser System);

iii) Sistem Alat Bantu Mula (Hose Reel System); dan

iv) Sistem Pili Bomba (Pillar Hydrant System).

Tuan Yang di-Pertua,

DBKL masih bertanggungjawab ke atas penyenggaraan di perumahan PPR dan Perumahan Awam (PA), sehingga Badan Pengurusan Bersama (JMB) ditubuhkan. Dalam hal ini, DBKL sentiasa memantau penyenggaraan kesemua peralatan pencegah kebakaran melalui kontraktor-kontraktor yang dilantik. **Kontraktor-kontraktor ini bertanggungjawab untuk memastikan peralatan-peralatan tersebut sentiasa berada dalam keadaan baik, berfungsi dan selamat untuk digunakan, terutamanya apabila berlaku kes-kes kecemasan**.

Di samping itu, dalam usaha untuk memastikan setiap pili bomba sentiasa berada dalam keadaan baik dan berfungsi, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bertanggungjawab melaksanakan langkah-langkah berikut :

i) membuat perancangan **pemeriksaan pili bomba secara berkala** dengan menetapkan setiap pili bomba diperiksa sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun. Pemeriksaan dan pengujian dibuat ke atas pili bomba tersebut berdasarkan keadaan fizikal pili dan tekanan aliran air;

ii) membuat **pembaikan segera** ke atas mana-mana pili bomba yang rosak;

iii) mengambil tindakan undang-undang melalui **Seksyen 23 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Kompaun)** ke atas mana-mana orang / pihak yang menyebabkan pili bomba gagal berfungsi; dan

iv) melaksanakan program **Skim Teman Pili Bomba** di mana penghuni perumahan dilantik sebagai 'bapa angkat' kepada pili bomba yang berhampiran dengan perumahan mereka.

Dalam hal ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur masih bertanggungjawab terhadap kemudahan-kemudahan berskala besar di persekitaran perumahan PPR dan Perumahan Awam termasuk pili bomba. Malah, DBKL telah menyediakan sejumlah peruntukan untuk tujuan tersebut. Oleh yang demikian, dalam memastikan supaya langkah awal dapat diambil ketika berlaku kecemasan atau kebakaran, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur amat berharap agar **penghuni-penghuni PPR dan Perumahan Awam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dapat bekerjasama menjaga keselamatan peralatan pencegahan kebakaran daripada dicuri atau dimusnahkan** oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Soalan No: 29

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **DATO' SERI ONG KA CHUAN**
(TANJONG MALIM)

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **05.11.2009**

SOALAN NO. : **29**

Dato' Seri Ong Ka Chuan (Tanjong Malim) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk membolehkan system perbankan Negara menawarkan pelbagai pakej mikro kredit kepada pengusaha kecil dan sederhana yang memerlukan modal untuk menjalankan perniagaan. Untuk tujuan ini, adakah Kementerian bercadang menubuhkan satu institusi kewangan khas yang mengendalikan mikro kredit kepada mereka yang memerlukan bantuan kewangan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, rangka kerja keinstitusi pembiayaan mikro menyeluruh merangkumi institusi perbankan, institusi kewangan pembangunan (IKP) dan koperasi kredit yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan pada bulan Ogos 2006 merupakan sebahagian daripada inisiatif Kerajaan untuk menggalakkan pembangunan industri pembiayaan mikro yang teguh dan mampan. Di bawah rangka kerja ini:

- Bank Simpanan Nasional telah diberikan mandat untuk menyediakan pembiayaan mikro,
- Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad akan menyediakan pembiayaan mikro kepada ahli koperasi; dan

- Agro Bank akan terus menyediakan pembiayaan mikro kepada perusahaan mikro dalam sektor pertanian dan asas tani.

2. Di samping itu, institusi perbankan yang mempunyai rangkaian cawangan yang meluas di seluruh negara akan menambahkan lagi sumber pembiayaan untuk aktiviti perniagaan mikro, bagi memastikan jangkauan pembiayaan mikro yang lebih luas.

3. Hasil daripada usaha untuk menggalakkan pertumbuhan industri pembiayaan mikro, sembilan buah institusi kewangan (enam buah institusi perbankan dan tiga buah IKP) kini telah menawarkan produk Pembiayaan Mikro. Pada akhir Ogos 2009, pembiayaan terkumpul bagi sembilan institusi kewangan Pembiayaan Mikro berjumlah RM587.5 juta iaitu pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 42%. Pembiayaan ini telah memanfaatkan 54,896 pelanggan pembiayaan mikro dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 45%.

4. Berhubung dengan persoalan sama ada Kementerian bercadang untuk menubuhkan satu institusi kewangan khas yang mengendalikan mikro kredit, perlu dimaklumkan bahawa keperluan untuk institusi sedemikian tidak terdesak buat masa ini. Ini adalah kerana selain dari Skim Pembiayaan Mikro yang ditawarkan oleh sembilan buah institusi kewangan, Kerajaan telah menubuhkan agensi-agensi kerajaan untuk mengendalikan pembiayaan mikro seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Yayasan TEKUN Nasional (TEKUN). Agensi-agensi kerajaan ini merupakan agensi khas pembiayaan mikro yang berfungsi untuk melengkapi institusi-institusi kewangan bagi memastikan golongan berpendapatan rendah akan terus mendapat pembiayaan yang sewajarnya dalam mengembangkan perniagaan yang mereka ceburi.

SOALAN NO. 30

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**
KAWASAN	:	**MACHANG**
TARIKH	:	**5.11.2009 (KHAMIS)**

Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL (MACHANG) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah punca utama Malaysia mengalami kemerosotan kemasukan pelaburan asing dan terangkan langkah-langkah diambil kerajaan dalam menangani keadaan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Menurut laporan *World Investment Report 2009* (WIR 2009), dengan izin, yang dikeluarkan oleh UNCTAD, FDI menunjukkan trend menurun secara global, iaitu penurunan dari USD2 trillion pada tahun 2007 ke USD1.7 trillion pada tahun 2008. Kemasukan FDI secara keseluruhannya dijangka akan mula pulih kepada USD1.4 trillion pada tahun 2010 dan meningkat kepada USD1.8 trillion pada tahun 2011.

Menurut laporan WIR 2009 tersebut juga, negara-negara lain di rantau Asia turut mengalami penurunan dalam jumlah kemasukan FDI pada tahun 2008 ekoran krisis kewangan dan ekonomi dunia yang melanda. Sebagai contoh, Singapura dan Thailand telah menunjukkan penurunan kemasukan FDI pada tahun 2008 sebanyak 28 peratus dan 10 peratus masing-masing. Kemasukan FDI ke Malaysia pada tahun 2008 adalah USD8.1 bilion berbanding USD8.4 bilion pada tahun sebelumnya iaitu penurunan sebanyak 4 peratus.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan kini melipat gandakan usaha untuk menarik kemasukan FDI dan memastikan FDI berkualiti terus mengalir masuk ke dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan di Malaysia. Kementerian ini telah memperkenalkan pendekatan berfokus ataupun "targeted approach" dengan izin, bagi menggalakkan kemasukan pelaburan dan menangani krisis ekonomi semasa. Sasaran pelaburan asing pada masa ini adalah untuk menarik syarikat-syarikat terkemuka khususnya di dalam sektor-sektor berteknologi tinggi untuk melabur di Malaysia.

Tumpuan turut diberikan kepada industri-industri berintensifkan modal dan penglibatan R&D, mesin dan komponen, industri keluruteraan sokongan, bioteknologi dan ICT. Industri-industri yang disasarkan tersebut adalah selaras dengan strategi pembangunan industri seperti yang telah digariskan di dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3).

Kementerian juga telah mempergiatkan lagi aktiviti promosi pelaburan pada tahun 2009 di mana sejumlah 9 misi penggalakan pelaburan telah dan akan dilaksanakan ke Eropah, China, Singapura, Australia, Amerika Syarikat, Asia Barat, Jepun, Taiwan dan India. Misi projek spesifik juga dianjurkan untuk menarik pelabur-pelabur asing yang berminat untuk melabur di negara ini.

Di samping itu, Kementerian juga mengambil peluang semasa misi penggalakan pelaburan untuk mengadakan mesyuarat dan perbincangan berasingan dengan para industrialis dan pelabur berpotensi seperti yang telah dijalankan semasa lawatan ke Emiriyah Arab Bersatu dan Jerman.

Bagi syarikat-syarikat yang berhasrat melabur di Malaysia, langkah-langkah spesifik terus dilaksanakan bagi memastikan pelaburan tersebut masuk ke Malaysia seperti:

- program *handholding*, dengan izin, untuk membantu para pelabur mendapatkan pelbagai kelulusan yang diperlukan bagi sesuatu projek; dan

- memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan dengan mempertingkatkan lagi kecekapan jentera Kerajaan.

Tuan Yang Di Pertua,

Di samping itu, Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah dan inisiatif baru untuk menggalakkan kemasukan FDI termasuk:

- meliberalisasikan 27 subsektor di bawah sektor perkhidmatan mulai April 2009;

- melonggarkan Garis Panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) pada 30 Jun 2009 untuk memperkukuhkan persekitaran perniagaan;

- menganjurkan promosi perdagangan di Malaysia iaitu Pameran Perdagangan Antarabangsa (INTRADE) dan *Malaysia International Halal Showcase* (MIHAS) dengan izin, di mana syarikat-syarikat dari luar dijemput untuk memasarkan produk-produk mereka di Malaysia dan sekali gus akan membina rantaian perniagaan yang kondusif;

- menganjurkan beberapa Persidangan Antarabangsa pada tahun 2009 seperti World Chambers Congress 2009 dari 3 hingga 5 Jun 2009, dan Forbes Global CEO Conference 2009 dari 28 hingga 30 September 2009 yang telah memberi pendedahan kepada syarikat MNCs asing yang menghadiri persidangan tentang iklim pelaburan di Malaysia. Selain itu, ia juga merupakan landasan untuk

memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi utama untuk menjalankan perniagaan di rantau ini;

- mewujudkan perkongsian bijak dengan penganjur persidangan antarabangsa seperti "Forbes" dan "Euromoney", dengan izin; dan

- penyertaan aktif dalam persidangan antarabangsa termasuklah "WAIPA World Investment Conference", "OECD Forum" dan "EU Business Conference", dengan izin.

****

SOALAN NO. (31)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B. TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG)
TARIKH	:	5 NOVEMBER 2009 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B. TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah pihak Kementerian berhasrat untuk mewujudkan Eco Town Konsep bersama dengan Green Manufacturing Hub.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia akan menjalankan kajian penyelidikan mengenai *Green Neighborhood* selaras dengan hasrat untuk menerapkan konsep *Eco Town* di Malaysia. Kajian ini merupakan kertas penyelidikan untuk dijadikan asas penyediaan garis panduan perancangan bagi pelaksanaan *Green Neighborhood* di semua PBT kelak.

Dalam pada itu, pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh KPKT melalui Jabatan Landskap Negara menyokong usaha program pembangunan bandar mapan contohnya program pembangunan landskap, jaringan hijau dan pengekalan ekologi.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan
November 2009

NO SOALAN: 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2009

SOALAN:

Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memandangkan sempadan kita dengan Kalimantan Indonesia mudah dibolosi kerana terdapat banyak jalan-jalan tikus/gajah, apakah Kerajaan tidak bercadang untuk membina pagar keselamatan/ tembok di sepanjang sempadan Malaysia-Kalimantan Indonesia.

JAWAPAN : **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

MKN telah mengenal pasti jalan-jalan tikus/ gajah di sempadan Malaysia/ Kalimantan Indonesia. Bagi memastikan kedaulatan sempadan wilayah negara terjamin, MKN berusaha untuk mendirikan pagar/ tembok bagi mengekang kemasukan pendatang tanpa izin dan aktiviti-aktiviti penyeludupan daripada berlaku. Sehubungan dengan itu, MKN akan mengesyorkan pembinaan pagar/ tembok keselamatan di kawasan sempadan Malaysia-Kalimantan, Indonesia dalam rancangan RMK-10.

Pada masa yang sama agensi-agensi keselamatan seperti Angkatan Tentera Malaysia dan Pasukan Gerakan Am telah melaksanakan rondaan di sempadan. Kerjasama bilateral di antara penguatkuasa keselamatan kedua buah negara juga dipertingkatkan bagi membendung Jenayah Rentas Sempadan.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI [KUALA KRAI]
TARIKH	:	5 NOVEMBER 2009 (KHAMIS)
SOALAN	:	

Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI [KUALA KRAI] MINTA MENTERI KERJA RAYA menyatakan sama ada jalan utama Gua Musang ke Kota Bharu akan dinaik taraf menjadi empat lorong berikutan jumlah kemalangan yang tinggi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian mempunyai perancangan untuk menaik taraf jalan dari Kota Bharu ke Kuala Krai. Walau bagaimanapun, pelaksanaan kerja-kerja pembinaan adalah bergantung pada kelulusan Agensi Pusat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan utama Gua Musang ke Kuala Krai akan di naik taraf di bawah Projek Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur/Koridor Pantai Timur (*East Coast Economic Region*, ECER) seperti yang diumumkan di dalam pembentangan Bajet 2010 oleh Y.A.B. Menteri Kewangan pada 23 Oktober 2009 yang lalu.

NO SOALAN: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DATU SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : **5 NOVEMBER 2009**

SOALAN:

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan sama ada isu 'pelarian' atau 'refugees' di Sabah akan diselesaikan untuk menandatangani Surat Konvension Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai dengan Pelarian.

JAWAPAN : YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini, Malaysia tidak menyertai mana-mana konvensyen atau perjanjian antarabangsa berkaitan dengan pelarian iaitu (dengan izin) *Convention Relating to the Status of Refugees, Protocol Relating to the Status of Refugees 1967, the International Covenant on Civil and Political Rights 1966 dan the International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights 1966.*

Malaysia tidak mengiktiraf status pelarian dan sesiapa yang memasuki negara ini tanpa sebarang dokumen pengenalan diri yang sah adalah dianggap sebagai pendatang tanpa izin dan boleh didakwa di bawah Akta Imigresen 1956/63. Walaupun tidak menjadi negara ahli kepada Konvensyen 1951 dan Protokol 1967, Malaysia atas dasar kemanusiaan memberikan pengecualian terhadap PATI yang memegang Kad UNHCR secara 'satu kes ke satu kes' (*case to-case basis*) untuk tinggal sementara di negara ini. Malaysia juga mencegah sebarang bentuk penganiayaan yang bertentangan dengan amalan undang-undang adat antarabangsa.

Cadangan untuk menandatangani Konvensyen Status Pelarian 1951 dan Protokol Status Pelarian 1967 telah dipertimbangkan di peringkat tertinggi melalui Sidang Majlis Keselamatan Negara pada tahun 2007. Satu kumpulan kerja antara agensi telah ditubuhkan untuk mengkaji pro dan

kontra konvensyen tersebut dan telah sebulat suara mencadangkan agar Malaysia mengekalkan dasar untuk tidak menandatangani, antaranya kerana implikasi kewangan, undang-undang dan sosial yang terlalu besar dan tidak mampu ditanggung oleh Kerajaan sekiranya menjadi negara pihak kepada konvensyen tersebut.

Seperti Yang Berhormat [Keningau] sedia maklum, pengalaman Malaysia dalam menangani isu pendatang asing Filipina di Sabah contohnya, membuktikan bahawa penglibatan dan campurtangan UNHCR dalam penguatkuasaan terhadap golongan ini (pada tahun 1974) telah memburukkan lagi keadaan sehingga membebankan kerajaan negeri Sabah dan seterusnya membawa kepada penubuhan Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah/Labuan) melalui penggubalan Arahan MKN No.16 pada tahun 1989.

Malaysia tidak pernah memberi pengiktirafan secara rasmi kepada Pejabat UNHCR sejak kewujudannya semasa mengendalikan isu pendatang asing Vietnam pada tahun 1970-an. Selepas penyelesaian isu pendatang asing Vietnam, kewujudan pejabat badan dunia itu di Kuala Lumpur telah menyebabkan berlakunya kes-kes penyusupan PATI, pemalsuan pengenalan diri, serta penyalàhgunaan dokumen perjalanan oleh warga asing untuk mendapatkan status 'pelarian ' daripada UNHCR. Keadaan ini pasti akan menjadi bertambah buruk dan tidak terkawal sekiranya Kerajaan meratifikasi Konvensyen Status Pelarian 1951. Dalam hal ini, adalah jelas bahawa masalah 'pelarian' ini bukan hanya dihadapi di Sabah sahaja tetapi merupakan satu isu negara.

Untuk mengatasi masalah ini, Majlis Keselamatan Negara telah mengeluarkan Arahan MKN No.23: "Mekanisme Pengurusan Pendatang Tanpa Izin Yang Memegang Kad UNHCR" yang berkuatkuasa di seluruh Semenanjung Malaysia dan Sarawak pada 26 Ogos 2009. Arahan ini melengkapi Arahan MKN No.16 yang berkuatkuasa di Sabah untuk mengatasi masalah kemasukan pendatang asing tanpa izin secara khusus dan terselaras.

Secara yang lebih menyeluruh, Arahan-Arahan di atas berperanan memperkukuhkan penguatkuasaan undang-undang sedia ada termasuk Akta Imigresen 1956/63 dan Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007 yang diselaraskan di peringkat tertinggi melalui Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JK PA/PATI) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri.

Sekian. Terima kasih.

Soalan No: 35

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **TUAN TAN TEE BENG (NIBONG TEBAL)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **05.11.2009**

SOALAN NO. : **35**

Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan projek membaik pulih projek-projek perumahan terbengkalai hingga setakat ini di seluruh Negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 1 Oktober 2009 Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) melalui pelaksanaan Program Pemulihan Projek Terbengkalai (PPPT) telah berjaya memulihkan sebanyak 75 projek perumahan terbengkalai yang melibatkan sejumlah 23,185 unit rumah di seluruh negara.

Bagi zon utara yang merangkumi Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak, sejumlah 60 buah projek yang melibatkan 15,694 unit perumahan terbengkalai telah diterima. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 23 buah projek yang melibatkan 5,614 unit telah berjaya dipulihkan dengan Sijil Layak Menduduki (CFO).

Bagi zon tengah yang merangkumi negeri Selangor dan Kuala Lumpur pula, sebanyak 60 projek yang melibatkan 29,256 unit perumahan terbengkalai telah diterima. Jumlah yang berjaya dipulihkan dengan mendapat CFO adalah sebanyak 18 projek yang melibatkan 9,255 unit rumah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,376 unit rumah (12 projek) di Selangor dan baki sebanyak 5,879 unit rumah (6 projek) di Kuala Lumpur.

SPNB juga telah menerima sebanyak 72 projek yang melibatkan 14,697 unit rumah terbengkalai bagi zon selatan yang merangkumi negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 15 projek yang merangkumi 2,586 unit rumah telah disiapkan dengan CFO.

Di zon timur yang merangkumi negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang, sebanyak 42 projek yang melibatkan 10,801 unit rumah terbengkalai telah diterima. Jumlah yang telah disiapkan dengan CFO adalah sebanyak 12 projek yang melibatkan 2,904 unit rumah.

Bagi zon Malaysia Timur pula iaitu Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan pula, sebanyak 23 projek yang melibatkan 4,204 unit rumah terbengkalai telah diterima. Jumlah yang telah disiapkan dengan CFO adalah sebanyak 7 projek yang merangkumi 2,826 unit rumah.

Soalan No: 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **05.11.2009**

Soalan no. : **36**

Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan akan menyalurkan peruntukan pada Bajet ke-2010 untuk membolehkan negeri Pulau Pinang melaksanakan pemulihan di tapak Warisan Sedunia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, penyenaraian Melaka dan George Town sebagai tapak warisan oleh UNESCO merupakan pengiktirafan tertinggi ke atas Khazanah Negara. Selaras dengan pengiktirafan berkenaan, semasa pembentangan bajet 2009, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM50 juta untuk kerja-kerja pemuliharaan tapak warisan berkenaan. Ini merupakan satu peruntukan khas yang hanya disediakan untuk tahun 2009. Peruntukan tahunan biasanya disediakan di bawah Jabatan Warisan Negara, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Bajet 2009 juga menyebut bahawa peruntukan ini adalah untuk menyokong aktiviti yang dilaksanakan oleh NGO dan sektor swasta. Selaras dengan itu, sebanyak RM20 juta diperuntukkan bagi Pulau Pinang dan RM30 juta bagi Melaka. Peruntukan sebanyak RM20 juta telah disalurkan kepada Khazanah Nasional Berhad untuk pemuliharaan tapak warisan dunia di Pulau Pinang. Khazanah Nasional Berhad diberi tanggung jawab untuk melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan tapak warisan di Pulau Pinang

kerana syarikat berkenaan terlibat dalam pembangunan bersepadu Koridor Utara (NCER) termasuklah pembangunan Bandar George Town, Pulau Pinang.

Sementara itu, sebanyak RM30 juta telah disalurkan kepada Kumpulan Wang Warisan di bawah kawalan Jabatan Warisan Negara, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan untuk pemuliharaan tapak warisan di negeri Melaka.

Secara dasarnya, peruntukan yang disediakan bagi kedua-dua tapak warisan berkenaan adalah untuk kegunaan seperti berikut:

i. Penyediaan Pelan Pengurusan Pemeliharaan bertujuan menentukan polisi berkaitan aspek-aspek warisan dipatuhi selaras dengan kehendak UNESCO.

ii. *Penyediaan Special Area Plan (SAP)* merupakan sebuah pelan pemantauan di bawah Seksyen 16B(1) Akta Perancang Bandar dan Desa 1976. Ia disediakan sebagai kawalan perancang dan panduan pada peringkat yang lebih terperinci berdasarkan analisa tipologi-tipologi bangunan, komposisi social fabric satu-satu kawasan.

iii. Penyediaan inventori setiap bangunan warisan dalam kawasan zon utama yang lebih komprehensif yang bertujuan untuk menaiktaraf sistem inventori sedia ada untuk setiap bangunan warisan yang terletak dalam tapak Warisan Dunia. Selain itu, ia juga bagi memastikan kerja-kerja pemantauan, konservasi dan dokumentasi yang lebih berkesan.

iv. Penyediaan Manual Penyelenggaraan dan pembaikan untuk pemilik bangunan (Home Owner's Manual for Repair and maintenance) yang bertujuan memastikan setiap pemilik mengetahui perkara yang boleh dilakukan dan yang tidak boleh dilakukan ke atas bangunan mereka.

v. Pelaksanaan projek-projek yang telah dikenal pasti dalam Pelan Pengurusan yang melibatkan kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan pelbagai jenis bangunan seperti rumah kedai, rumah ibadat, pemeliharaan warisan Kebudayaan Tak Ketara, Program Kesedaran Warisan, Pelaksanaan Pelan pengurusan Pelancongan,

Pelaksanaan Pelan pengurusan trafik, Pelaksanaan Strategik Pemantauan dan lain-lain lagi.

Bagi memastikan projek pemuliharaan tapak warisan di Pulau Pinang dan Melaka berjalan lancar, Khazanah Nasional Berhad dan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan akan mengemukakan laporan kemajuan perbelanjaan dan projek setiap suku tahun kepada Kementerian Kewangan.

Soalan No: 37

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **TUAN MOHD NASIR BIN ZAKARIA**
(PADANG TERAP)

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **05.11.2009**

SOALAN NO. : **37**

Tuan Mohd Nasir bin Zakaria (Padang Terap) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah Kementerian bagi memastikan industri takaful di Malaysia mematuhi piawaian syariat Islam.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, industri takaful adalah dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia menerusi peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Akta Takaful 1984. Salah satu peruntukan yang penting dalam akta ini ialah kewajipan menubuhkan badan penasihat Syariah bagi memastikan pengendali takaful tidak bercanggah dengan Syariah. Ketika ini semua pengendali takaful telah menubuhkan Jawatankuasa Syariah masing-masing bagi memastikan industri takaful mematuhi Syariat Islam sepenuhnya.

2. Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia bertanggungjawab untuk mengeluarkan pendapat dan pandangan berhubung hal ehwal Syariah yang berkaitan dengan takaful dan ianya perlu dipatuhi oleh setiap pengendali takaful. Pengendali takaful perlu merujuk kepada

Majlis Penasihat Syariah dari masa ke semasa mengenai produk dan kesahihan transaksi takaful yang dijalankan sekiranya diminta berbuat demikian oleh Jawatankuasa Syariah pengendali takaful berkenaan. Akta Bank Negara Malaysia 2009 juga memperuntukkan mahkamah dan penimbang tara untuk merujuk kepada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia bagi apa-apa litigasi perundangan mengenai kewangan Islam, termasuk takaful. Apa-apa keputusan dan pandangan Majlis Penasihat Syariah adalah mengikat mahkamah atau penimbang tara yang membuat rujukan berkenaan.

3. Bank Negara Malaysia juga telah mengeluarkan "Garis Panduan Bank Negara Malaysia berhubung Tadbir Urus Jawatankuasa Syariah" (GPS1) pada tahun 2004 yang antara lain menghendaki pengendali takaful untuk melantik Jawatankuasa Syariah yang bertangungjawab:

(i) memastikan dokumentasi dan manual operasi mematuhi Syariah;
(ii) mengesahkan bahawa semua operasi takaful mematuhi syariah dalam laporan kewangan mereka;
(iii) menasihati Lembaga Pengarah berhubung perkara-perkara berkaitan Syariah dalam operasi pengendali takaful;
(iv) mengesahkan Manual Pematuhan Syariah serta dokumen-dokumen berkaitan berkaitan produk kewangan Islam yang ditawarkan oleh pengendali takaful berkenaan; dan
(v) memberi pandangan Syariah sekiranya terdapat yang dirujuk kepadanya.

4. Kesimpulannya, tadbir urus syariah di Negara ini merupakan antara tadbir urus yang kompetitif malah menjadi rujukan kepada negara-negara lain.

SOALAN NO : 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA :		**PUAN CHONG ENG**
		[BUKIT MERTAJAM]
TARIKH	:	**5 NOVEMBER 2009**
SOALAN	:	

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sebab peratusan kematian akibat influenza A H1N1 yang tinggi di Malaysia (77 kematian pada 27 September 09) iaitu hampir 20% jumlah kematian di Asia Tenggara (sekitar bulan September 09).

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya bagi pihak Kementerian Kesihatan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak termasuk Yang Berhormat Ahli Parlimen, agensi Kerajaan, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan semua ahli masyarakat di atas kerjasama, penglibatan serta komitmen yang diberikan dalam menangani dan mengawal penularan pandemik H1N1 2009 di dalam komuniti untuk mengurangkan impak sosioekonomi pandemik H1N1 kepada negara.

Untuk makluman, penularan pandemik H1N1 di peringkat global termasuk Malaysia masih lagi aktif. Pihak *World Health Organization* (WHO) melaporkan bahawa sehingga 4 Oktober 2009, sejumlah 378,223 kes H1N1 yang disahkan

melalui ujian makmal dengan 4,525 kematian telah dilaporkan di seluruh dunia yang melibatkan sebanyak 191 negara.

Di Malaysia, sehingga 14 Oktober 2009, sejumlah 11,904 kes yang disahkan melalui ujian makmal dengan 77 kematian telah dilaporkan. Untuk makluman, jumlah ini adalah hanya bagi kes-kes yang berkomplikasi yang dimasukkan ke hospital untuk rawatan. Seperti yang sedia maklum, majoriti kes pandemik H1N1 2009 hanya mengalami simptom yang ringan tanpa komplikasi dan hanya memerlukan rawatan pesakit luar sahaja. Sebagai strategik rawatan awal dan mengurangkan komplikasi, Kementerian telah mengambil pendekatan rawatan antiviral serta-merta kepada kes-kes tidak berkomplikasi serta kes-kes daripada golongan berisiko tinggi. Mereka ini diberikan rawatan antiviral pesakit luar, tanpa perlu menjalani ujian pengesahan H1N1. Daripada maklumat yang diberikan, jelas bahawa majoriti kes-kes pandemik H1N1 2009 di Malaysia telah dirawat dengan baik dan lebih 99 peratus telah sembuh daripada jangkitan H1N1.

Statistik juga menunjukkan tren penurunan kes-kes pandemik H1N1 2009 sama ada yang datang untuk mendapatkan rawatan sebagai pesakit luar, dimasukkan ke hospital ataupun yang menerima rawatan di *Intensive Care Unit* (ICU). Sejak awal bulan September 2009, purata harian kes-kes H1N1 yang dirawat di hospital seluruh negara adalah di antara 30 hingga 40 kes sehari berbanding dengan situasi pandemik pada awal bulan Ogos 2009, di mana kadar kemasukan (*inpatient*) adalah di antara 300 hingga 350 kes sehari. Walaupun bilangan kes-kes yang dirawat di ICU juga menunjukkan tren penurunan, di mana pada masa ini purata 6 hingga 10 kes, tetapi nisbah kemasukan kes masih tidak berubah iaitu 20 hingga 30 peratus daripada kes-kes H1N1 yang dirawat sebagai pesakit luar. Ini adalah kerana komplikasi jangkitan paru-paru yang teruk yang

memerlukan rawatan sokongan pernafasan dan tempoh rawatan di ICU juga akan mengambil masa yang panjang iaitu di antara 2 hingga 3 minggu.

Kadar kematian kes-kes pandemik H1N1 2009 di Malaysia adalah juga seperti tren yang kelihatan di peringkat global. Di Malaysia, sejumlah 77 kematian daripada 11,904 kes, kadar kes fataliti *(Case Fatality Rate)* adalah sebanyak 0.65 peratus manakala di peringkat global dengan 378,223 kes dan melibatkan 4,525 kematian, *'Case Fatality Rate' (CFR)* adalah sebanyak 1.2 peratus. Untuk makluman, 85 peratus daripada kes-kes kematian adalah daripada kalangan mereka yang mempunyai faktor risiko. Majoriti kematian yang berkait dengan jangkitan influenza A(H1N1) di Malaysia meliputi 83 peratus adalah terdiri di kalangan mereka yang berisiko tinggi seperti obes, asthma, mengandung, penyakit kronik dan lemah daya imuniti badan.

Strategi dan aktiviti pencegahan dan kawalan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk agensi-agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, pihak swasta dan semua ahli masyarakat telah berjaya mengawal kejadian Pandemik (H1N1) 2009. Dengan persiapan yang mencukupi sejak tahun 2006 melalui penyediaan pelan strategik "Pelan Kesiapsiagaan Pandemik Influenza Kebangsaan *(National Influenza Pandemic Preparedness Plan – NIPPP)*, yang mempunyai 6 aktiviti yang strategik iaitu;

i) Respons Organisasi;
ii) Respons Kesihatan Awam;
iii) Respons Perubatan;
iv) Respons Makmal;
v) Komunikasi Risiko; dan
vi) Respons Sosial.

Pelan strategik ini telah dijalankan mengikut situasi pandemik, iaitu pada awal matlamat utama *Containment* bagi tujuan melewatkan kemasukan wabak ke Malaysia dan kemudian disusuli dengan strategi Mitigasi yang bertujuan memperlahankan penularan wabak dalam komuniti.

Walaupun kejadian pandemik telah menunjukkan penurunan di seluruh dunia, pihak *World Health Organization (WHO)* telah meminta supaya semua negara untuk meneruskan aktiviti survelan bagi memantau kejadian jangkitan. Survelan ini perlu diteruskan untuk memantau mutasi virus influenza A(H1N1) serta juga kemungkinan berlakunya gelombang kedua Pandemik (H1N1) 2009 dan mengambil langkah proaktif yang responsif serta berkesan.

Seperti yang disarankan oleh WHO, Kementerian Kesihatan akan meneruskan dan memperkukuhkan aktiviti pencegahan dan kawalan Pandemik (H1N1) 2009 seperti berikut :

(i) Rawatan antiviral kes-kes yang disyaki influenza A(H1N1) terutama golongan berisiko tinggi, di semua hospital kerajaan dan klinik kesihatan termasuk swasta;

(ii) Pemantauan kemasukan kes influenza A(H1N1) ke Unit Rawatan Rapi (ICU), termasuk juga kematian;

(iii) survelan kes *Influenza-like Illness* (ILI) melalui klinik sentinel dan kluster ILI dalam komuniti;

(iv) survelan virus influenza;

(v) Memperkukuhkan program kesedaran influenza A(H1N1) di dalam komuniti;

(vi) Memastikan bekalan *stockpile* antiviral dan PPE sentiasa mencukupi;

(vii) Vaksinasi influenza A(H1N1) untuk barisan hadapan dan kumpulan berisiko tinggi;

(viii) Terus memperkemaskan sistem maklumat influenza A (H1N1), termasuk garis panduan dan maklumat awam melalui perkongsian maklumat dalam negara dan antarabangsa; dan

(ix) Kenyataan akhbar harian berkaitan influenza A (H1N1) dibuat setiap hari oleh Y.B. Menteri Kesihatan dan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia. Maklumat ini serta lain-lain maklumat berkaitan influenza A (H1N1) dimuat naik ke laman web, http://h1n1.moh.gov.my untuk pengetahuan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua,

Bekalan vaksin influenza A(H1N1) yang berjumlah 400,000 dos yang dipesan oleh Kementerian Kesihatan akan mula sampai pada akhir bulan Oktober 2009, sebanyak 78,000 dos dan baki selebihnya akan dibekalkan sebelum akhir Januari 2010. Pemberian suntikan vaksin H1N1 kepada kakitangan barisan hadapan terutamanya kakitangan perubatan dan kesihatan yang terlibat secara langsung dengan pengurusan pesakit akan dilaksanakan sebaik sahaja vaksin diterima. Mengikut maklumat WHO, mulai Februari 2010 vaksin *seasonal influenza* akan mengandungi *strain* influenza.

Bagi melaksanakan langkah-langkah pencegahan dan kawalan, Kerajaan telah menyediakan peruntukan yang tinggi. Sejak tahun 2006, lebih dari RM 200 juta telah diperuntukkan untuk menangani kejadian pandemik influenza yang digunakan untuk pembelian ubat antiviral, peralatan perlindungan diri, vaksin

influenza bermusim, latihan dan juga pendidikan kesihatan. Pada tahun 2009, sejumlah RM36.5 juta telah dibelanjakan untuk pembelian ubat antiviral sebagai tambahan kepada *stockpile* yang sedia ada. Untuk makluman, bagi tempoh 6 bulan yang lepas sejumlah 533,000 dos yang bernilai RM28.3 juta telah digunakan untuk rawatan kes-kes H1N1 di Malaysia. Pada masa ini, Kementerian Kesihatan telah mempunyai sejumlah 1.6 juta dos rawatan antiviral dalam *stockpile*.

Kementerian yakin dengan kerjasama semua pihak, langkah pencegahan dan kawalan pandemik H1N1 2009 di Malaysia akan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan seperti yang kita perhatikan pada masa ini. Kerjasama ini harus diteruskan dan diperkukuhkan lagi bukan sahaja untuk pandemik H1N1 malah untuk lain-lain penyakit berjangkit yang boleh mengancam kesejahteraan kesihatan orang awam.